

## [ROLES OF SELANGOR ISLAMIC RELIGIOUS DEPARTMENT TO HANDLE EXTREMIST ISSUES IN SELANGOR]

### PERANAN JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS) DALAM MENANGANI ISU EKSTREMISME DI SELANGOR

NUR SOLEHAH MOHD YAZID<sup>1</sup>  
MOHD HASRUL SHUHARI<sup>1\*</sup>  
NAJIHAH ABDUL WAHID<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus Terengganu, Malaysia

<sup>2</sup>Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA),Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

\*Corresponding author: hasrulshuhari@unisza.edu.my

Received Date: 7 November 2019 • Accepted Date: 28 April 2020

#### **Abstract**

*Islam is a religion that brings peace and harmony to all mankind, whether from a theoretical or practical point of view; wasattiyah in his practice. However, Islam has often been related to acts of violence especially in Southeast Asia such as the Bali bombings by the jemaah islam in 2002, the Paris bombing in 2015, the Abu Sayyaf movement in the Philippines and the nightclub bombings in Puchong in 2017. by extremist Islamic State groups (IS). Focus in Malaysia, this study explains the roles of the Selangor Islamic Religious Department (JAIS) in addressing issues of religious extremism and challenges in Selangor such as IS. This qualitative study uses interview method and documentation method. This study is expected to contribute to the development of an academic source and references to extremism-themed research especially on the roles and strategy of the Selangor Islamic Religious Department in addressing the critical issues of the current Ummah.*

**Keywords:** Extremisme, Islamic State (IS), Selangor Religious Department (JAIS).

#### **Abstrak**

Islam adalah sebuah agama yang mementingkan keamanan dan kedamaian kepada seluruh umat manusia sama ada dari sudut teoritikal yang bersumberkan nas-nas dan hukum syarak mahupun praktikal iaitu; wasattiyah dalam pengamalan. Namun begitu, Islam sering dikaitkan dengan aktiviti-aktiviti berbentuk keganasan khasnya di Asia Tenggara seperti pengeboman di Bali oleh Jemaah Islamiyah pada tahun 2002, pengeboman di Paris pada tahun 2015, gerakan Abu Sayyaf di Filipina dan pengeboman kelab malam di Puchong pada tahun 2017 yang didakwa dilakukan oleh kumpulan ekstremis Islamic State (IS). Secara fokusnya di Malaysia, kajian ini menjelaskan

peranan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam mendepani isu-isu teras agama dan cabaran ekstremis di Selangor contohnya IS. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah temubual dan kaedah dokumentasi. Kajian dijangka dapat menyumbang kepada perkembangan sumber rujukan akademik yang bertema ekstremisme khususnya berkenaan peranan dan strategi Jabatan Agama Islam Selangor dalam mendepani isu-isu kritikal ummah masa kini.

**Kata kunci:** Ekstremisme, Islamic State (IS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

**Cite as:** Nur Solehah Mohd Yazid, Mohd Hasrul Shuhari & Najihah Abdul Wahid. 2020. Peranan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam Menangani Isu Ekstremisme di Selangor . *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(1): 214-226

## PENGENALAN

Institusi agama adalah pasak kepada keteguhan agama yang bertanggung jawab memelihara dan melindungi hal-ehwal Islam. Tidak dinafikan kewujudan institusi Islam ini sering mendapat tentangan yang hebat dan kritikan yang tajam dari pelbagai pihak. Bermula dari pertikaian terhadap sejauhmana institusi agama di Malaysia ini mampu menjamin dan melindungi kemaslahatan umat Islam di seluruh negara, liberalisme, pluralisme, kontroversi serta cabaran yang dihadapi oleh mereka dalam menangani hal-hal berkaitan doktrin ekstremisme atau ajaran sesat. Setiap negeri diwujudkan Jabatan Agama Negeri masing-masing bagi menjawab segala persoalan dan isu-isu yang timbul selari dengan perkembangan semasa. Kini, umat Islam diserang dengan pelbagai serangan pemikiran-pemikiran moden yang mencabar keupayaan dan kredibiliti pihak berkuasa. Kajian ini akan menjelaskan secara ringkas peranan institusi agama khususnya Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam menangkis fahaman ekstrem khususnya peringkat negeri. Memetik kenyataan yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri Malaysia keenam, Najib Razak dalam Majlis Penutup Dialog Keselamatan Antarabangsa Putrajaya (PISD) 2018: “Semua pakar dan institusi agama perlu lebih saling berhubung dan bersikap inovatif untuk mengenal pasti kaedah yang boleh dilakukan untuk menangani ideologi ekstrem dan perkara yang mengelirukan mengenai agama. Propaganda Daish sangat licik, jadi kita perlu melakukan apa saja mengikut kuasa yang ada pada kita untuk menjelaskan dengan tepat mengapa tindakan mereka sangat bertentangan dengan Islam” ([www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/01/300776/institusi-agama-perlu-tangani-ekstremisme](http://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/01/300776/institusi-agama-perlu-tangani-ekstremisme), diakses pada 27 Oktober 2019).

Dalam usaha membendung fahaman-fahaman, aktiviti yang berbentuk ekstrem dan menyelwend, pihak berkuasa telah mewujudkan beberapa jabatan agama yang berfungsi menyelia dan melindungi kepentingan masyarakat Islam secara umumnya seperti Majlis Agama Islam atau MAIS yang mana pada awalnya berfungsi sebagai penasihat utama Sultan dalam segala urusan yang melibatkan pentadbiran hal-ehwal Islam. Kemudian, diwujudkan juga Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sebagai sebuah badan pelaksana kepada dasar yang telah disusun atur oleh MAIS dan diikuti Jabatan Mufti serta Jabatan Kehakiman Syariah Selangor atau JAKESS bagi merealisasikan Misi: “Meneraju umat Islam bagi mendepani persoalan teras agama ke arah melahirkan pemahaman yang jitu dan penghayatan Islam syumul” ([www.mais.gov.my/sejarah/](http://www.mais.gov.my/sejarah/), diakses pada 26 November 2019)

Sehubungan itu, kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan memenuhi beberapa persoalan kajian dan mencapai objektif tertentu yang telah dirangka. Pengkaji melihat perlunya kajian bertemakan ekstremisme seperti ini dengan menfokuskan peranan dan strategi Jabatan Agama Islam di Selangor. Diharapkan hasil kajian tersebut memberi manfaat sama ada berbentuk teori mahupun praktikal kepada ahli akademik pada masa akan datang mahupun kepada pihak JAIS sendiri.

## **ANCAMAN EKSTREMISME**

Islam adalah sebuah agama yang cintakan kedamaian, toleransi dan membencangkan sebarang aktiviti yang berbentuk keganasan. Pada 23 Ogos 2019, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam Khutbah Jumaat bertajuk “Islam Agama Kedamaian” menjelaskan bahawa “Islam bererti damai, selamat, sejahtera, penyerahan diri dan taat serta membahawa kesejahteraan kepada seluruh umat manusia”. Dalam khutbah tersebut turut menyatakan beberapa contoh peristiwa yang membuktikan penolakan Islam terhadap sebarang aktiviti berbentuk keganasan seperti mana yang berlaku dalam peristiwa “Fathu Makkah”. Di dalam peristiwa tersebut tidak berlaku sebarang pertumpahan darah antara tentera Islam dan kaum musyrikin. Tambahan pula, jika dilihat kepada sejarah penaklukan Sultan Muhammad Al-Fateh setelah berjaya menakluki Konstantinopel, baginda tidak membunuh mahupun mencederakan tawanan Kristian. Malah, memberi kebebasan kepada mereka untuk mengamalkan agama masing-masing ([emasjid.jais.gov.my/uploads/.pdf](http://emasjid.jais.gov.my/uploads/.pdf), diakses pada 26 Oktober 2019).

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat ekstremisme berasal daripada kata dasar “ekstrem” iaitu keterlaluan dan melampau. Ekstremis pula bermaksud orang yang melampau juga diertikan dengan pelampau. Ekstremisme wujud dalam sikap, pandangan, agama dan aliran pemikiran ([prpm.dbp.gov.my](http://prpm.dbp.gov.my)). Contoh ekstremisme yang akan dibahaskan dalam kajian ini adalah sikap melampau anggota militan ISIS dalam memahami ajaran agama Islam serta ijтиhad mereka dalam mengeluarkan sesuatu hukum berhubung jihad. Sikap melampau dalam agama adalah berpunca daripada kegagalan untuk memahami ajaran Islam yang sebenar. Menurut artikel yang diterbitkan Institut Penyelidikan dan Pembangunan (IYRES) Kementerian Belia & Sukan bertajuk “Garis Panduan Pencegahan Ekstremisme & Radikalisme dalam Kalangan Belia dan Masyarakat” (2017 :1), bahawa definisi ekstremisme oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), ialah –isme : fahaman. Manakala, ekstrem adalah; taksub, melampau atau keterlaluan terhadap agama namun tidak mempunyai fahaman yang jelas dalam agama. Konteks ekstremisme dalam penulisan ini memberi fokus kepada tindakan melampau militan ISIS dalam memahami tafsiran agama atau jihadisme mereka.

Namun begitu, jika melihat kepada pelbagai dakwaan serta tuduhan Barat terhadap masyarakat umat Islam yang mengelar Islam sebagai agama ekstremis atau radikal adalah satu tuduhan yang tidak adil. Menurut satu artikel bertajuk “Analisis Fahaman Ekstremis Agama dan Media Sosial di Malaysia” oleh (Muhammad Imran Abd Razak, Mohd Anuar Ramli & et.al, 93-103) hal ini berpunca dari beberapa peristiwa dan aktiviti keganasan yang didakwa dilakukan oleh kumpulan militan Islam seperti pengeboman World Trade Centre, New York (WTC) oleh al-Qaeda pada tahun 2001, pengeboman di Bali, Indonesia pada tahun 2002 oleh Jemaah Islamiyyah (JI), pengeboman di Paris pada tahun 2015, Menurut satu artikel “The Hague”, 18 Januari 2016 bertajuk “Changes in modus operandi of Islamic State terrorist

attacks” dalam kajian mereka menyatakan keberangkalian ISIS untuk melakukan serangan seterusnya di Negara-negara Eropah lain seperti berikut; “The Paris attacks, and subsequent investigation, appear to indicate a shift towards a broader strategy of IS going global, of them specifically attacking France, but also the possibility of attacks against other Member States of the EU in the near future”, pengeboman di Sri Lanka pada bulan April 2019 oleh IS dan tidak terkecuali di Malaysia antaranya pengeboman kelab malam di Puchong, Selangor.

## **EKSTREMISME DALAM JIHAD**

Menurut Mazlee Malik (2016), kumpulan IS/ISIS/Daesh menyakini bahawa perlu kepada jihad Global atau Jihad Hujumi (jihad ofensif). Manakala, al-Baghdadi berpendapat bahawa jihad tidak terhad ke atas golongan yang memerangi umat Islam dalam kalangan kuffar malah wajib dilaksanakan ke atas para pemimpin umat Islam dan rejim-rejim umat Islam yang memerintah dengan zalim dan tidak berhukum dengan hukum Islam dan menjadi sekutu Yahudi, kuffar dan musuh-musuh Islam. Golongan Daesh juga berpendapat bahawa golongan yang tidak keluar menyertai jihad adalah berdosa besar dan tidak dikira sebagai orang Islam yang sebenar. Mereka menggunakan hujah beberapa potongan ayat al-Quran, “Wahai orang-orang yang beriman! Perangilah orang-orang kafir musyrik yang berdekatan dengan kamu dan biarlah mereka merasai sikap kekerasan yang ada pada kamu dan ketahuilah sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang bertaqwa (dengan memberikan pertolongan-Nya)” (Surah al-Taubah, ayat 123). Hujah mereka yang kedua; “Perangilah kaum musyrikin itu semuanya sebagaimana mereka memerangi kamu semuanya dan ketahuilah bahwasanya Allah bersama orang-orang yang bertaqwa” (Surah al-Taubah, ayat 36).

Tambahan itu, antara lainya kumpulan militan Daesh juga menggunakan hujah “Dan perangilah mereka (musuh yang memerangi kamu) di mana sahaja kamu dapat mereka, dan usirlah dari tempat yang mereka sudah mengusir kamu” (Surah al-Baqarah, ayat 191). Maka, mereka berpandangan bahawa memengal, membunuh, menceroboh keamanan non-muslim adah tidak menyalahi undang-undang Syarak malah tidak teragak-agak untuk memenggal kepala orang Islam yang tidak sehaluan dengan ideologi mereka. Kumpulan militan Daesh atau ISIS juga beriktikad bahawa negara-negara Islam selain ISIS adalah negara kafir dan wajib diperangi. Mereka juga menyatakan bahawa mana-mana golongan yang terlibat dengan mana-mana sistem demokrasi, pilihan raya dan menyokong mana-mana sistem Barat adalah kafir, maka mereka boleh dibunuhi. Abu Bakar al-Baghdadi menekankan kewajipan mendirikan “Daulah Islamiyah” dengan sistem khilafah dan semua hukum-hakam syariah dan mereka dibenarkan menentang dan mengingkari arahan pemerintah yang dianggap thoghut oleh mereka.

Dalam mengenal pasti sesuatu doktrin yang diklasifikasikan sesuatu ajaran atau fahaman tersebut benar atau menyeleweng dari landasan Islam, JAIS pada tahun 2016 telah menerbitkan buku bertajuk “Himpunan Ajaran, Amalan yang telah difatwa dan diwartakan menyeleweng dan sesat dalam Negeri Selangor” pada halaman 154-155 menjelaskan: “Antara ciri-ciri jihadisme ISIS menurut perspektif Islam seperti pembunuhan secara kejam, menyembelih, membakar, menanam hidup-hidup, menyerang orang awam yang berlawanan fikrah dengan mereka, merogol wanita dan kanak-kanak kerana menganggap mereka sebagai tawanan perang, memusnahkan rumah ibadat meskipun ditegah oleh Islam, mengaplikasikan

konsep jihad Qital iaitu perang dan keganasan, takfiri, menanggap mana-mana umat Islam yang menyokong sistem Barat seperti demokrasi adalah kafir serta menghalalkan darah umat Islam” Isu ini telah mula dikesan oleh pihak Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) sekitar tahun 2014 serta penguatkuasaan undang-undang diperketatkan terhadap mana-mana individu yang disyaki terlibat secara langsung ataupun mereka yang didapati bekerjasma dalam faham tersebut. Menurut Jabatan Agama Islam Selangor (2016), Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-106 yang bersidang pada 21-22 Oktober 2014 telah memutuskan bahawa: “Tindakan umat Islam dari Malaysia yang telah ataupun yang ingin berjuang di Syria atas nama jihad dengan memberikan sokongan terhadap ISIS atau IS adalah sia-sia kerana tindakan mereka tidak tergolong dalam manhaj jihad yang sebenar menurut Islam dan tidak dikatogerikan sebagai jihad”.

Selain itu, temubual bersama Tuan Zamzuri Ruslan yang merupakan Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Jabatan Agama Islam Negeri Selangor pada 5 Disember 2019 berkenaan isu ekstremis ini telah dilakukan. Menurutnya, Mesyuarat Jawatankuasa Menteri-menteri pertahanan ASEAN (ADMM) yang bersidang pada 27 Mac 2015 sebulat suara menentang ancaman ISIS. Manakala, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali 3/2015 yang bersidang pada 11 Ogos 2015 bersamaan 26 Syawwal 1436H menyatakan bahawa (Zamzuri Ruslan, Temubual pada 5 Disember 2019): “Fahaman, ajaran dan ideologi ‘al-Dawlah Iraq Wal Syam’ atau Daesh atau militan IS singkatan kepada militant Islamic State atau Islamic State Iraq and Syam (ISIL), adalah menyeleweng dan sesat dari ajaran Islam ‘ahl Sunnah wal Jamaah’.

Tindakan kumpulan militan ini menimbulkan banyak persepsi dan keraguan terhadap jihadisme di kalangan umat Islam itu sendiri sehingga meninggalkan kesan buruk terhadap imej Islam di seluruh dunia. Oleh itu, bagi membendung fahaman-fahaman yang menyeleweng seperti ini, Duli Yang Maha Mulia telah berkenan untuk mewujudkan institusi-institusi Islam di peringkat negeri yang berperanan penting dalam menjaga kemaslahatan ummah.

## **PERANAN JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

Dalam usaha kerajaan memelihara keharmonian, kesejahteraan akidah serta kepentingan masyarakat Islam khususnya, kerajaan telah membentuk sebuah badan kerajaan yang berperanan dalam hal ehwal Islam di peringkat negeri. Pada awal penubuhannya, fungsi MAIS adalah untuk menasihati DYMM Sultan sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1952 (Enakmen No. 3 Tahun 1952) yang menyatakan seperti berikut: “Majlis bagi pihaknya dengan kuasa dikurniakan oleh DYMM Sultan bagi sifatnya menjadi Ketua Agama Negeri ini hendaklah menolong dan menasihatkan kepada DYMM Sultan di atas segala perkara yang berkaitan dengan Agama Negeri dan Adat Istiadat Melayu dan hendaklah di dalam segala perkara-perkara itu menjadi kuasa yang tertinggi sekali di dalam negeri ini melainkan yang ada berlawanan dengan perkara yang tersebut di dalam Undang-undang ini”.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2003, fungsi MAIS tersebut telah dimansuhkan dan digantikan dengan Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 sebagaimana berikut: “Majlis hendaklah membantu dan menasihati DYMM berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan Agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali

perkara-perkara Hukum syarak dan berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini' ([www.mais.gov.my/sejarah/](http://www.mais.gov.my/sejarah/), diakses pada 26 November 2019).

Nur Farhana dan Nur Solehah (2018) dalam artikel jurnal bertajuk "Autoriti Agama di Malaysia: Kedudukan dan Kritikan" menjelaskan; "bagi menjaga dan memelihara maslahah dan urusan umat Islam di Malaysia telah diwujudkan beberapa institusi Islam iaitu Majlis Agama Islam, Mufti dan Mahkamah Syariah. Daripada tiga institusi utama ini, lahirlah pelbagai jabatan, lembaga, institut dan persatuan Islam sama ada dibawah seliaan kerajaan ataupun persendirian. Misalnya seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Lembaga Tabung Haji, Lembaga Zakat, Jabatan Agama Islam mengikut negeri-negeri di Malaysia dan sebagainya. Melalui tiga institusi utama agama yang disebutkan sebelum ini, hukum-hakam dan perundangan Islam digubal dan dilaksanakan di Malaysia".

Sumber portal rasmi Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) turut menyatakan, penubuhan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ini membantu usaha kerajaan dalam mengekang perkembangan fahaman komunis di Tanah Melayu di samping memperbaiki akhlak dan kepercayaan orang Melayu ketika itu. Setelah dirujuk susunan pentadbiran Jabatan Agama Islam Johor berasaskan satu lawatan ke Jabatan Agama Islam Johor pada 1946, Undang-undang Tubuh Negeri Selangor telah digubal pada tahun 1947 meliputi hal penubuhan Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu. Rentetan daripada perkembangan ini, tertubuhlah secara rasmi Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam pada bulan Januari 1948 menjadikan JAIS sebagai badan pelaksana urusan berkaitan hal-ehwal Islam di peringkat Negeri Selangor. Bagi memastikan gerak kerja yang lebih bersistematis dan produktif telah diwujudkan sembilan bahagian di JAIS dan disertai dengan skop tugasannya tertentu (Bahagian Komunikasi & Koprat, Jabatan Agama Islam Selangor, t.t). Antara Bahagian-bahagian tersebut:

- a. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- b. Bahagian Undang-undang Keluarga
- c. Bahagian Dakwah
- d. Bahagian Penguatkuasaan
- e. Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
- f. Bahagian Pengurusan Masjid
- g. Bahagian Pengurusan Halal
- h. Bahagian Pendidikan Islam
- i. Pejabat Agama Islam Daerah

Namun begitu, dalam penulisan ini, kajian akan menfokuskan kepada beberapa fungsi bahagian tertentu seperti; Bahagian Undang-undang keluarga, Bahagian Dakwah, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan dan Bahagian Masjid yang dilihat sebagai peneraju utama dalam menangani isu-isu teras agama di peringkat Negeri Selangor.

## **BAHAGIAN DAKWAH, JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

Bahagian Dakwah mempunyai tiga unit iaitu Unit Ukhwah, Unit Penerangan dan Penerbitan dan Unit Dakwah dan Tarbiah. Pertama, unit Dakwah memainkan peranan dalam merancang segala bentuk aktiviti kefahaman Islam kepada masyarakat Islam dan bukan Islam terdiri daripada semua lapisan masyarakat sama ada golongan kanak-kanak, remaja, dewasa, warga emas serta mewujudkan program-program, forum mahupun seminar yang dianjurkan dengan kerjasama badan-badan non-Government (NGO). Sebagai contoh; penganjuran persidangan bertaraf Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara (PAntUMN) yang menghimpunkan pembentangan terdiri daripada kalangan penyelidik para pensyarah dari Malaysia, Brunei, Darussalam, Indonesia, Thailand dan negara-negara lain. Tujuan seminar ini diadakan adalah menyatakan idea, pemikiran serta pandangan para cendikiawan berkenaan isu-isu teras agama, serta cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam masa kini (Bahagian Komunikasi & Koprat, Jabatan Agama Islam Selangor, t.t).

Kedua, Unit Penerangan dan Penerbitan berfungsi sebagai satu platform dalam memberi penerangan isu-isu semasa sama ada ianya melibatkan fahaman Islam atau doktrin yang meragui kebenarannya seperti isu-isu liberal, pluralisme, ekstremisme, wahabisme dan lain-lain dengan menerbitkan bahan-bahan penulisan berbentuk buku-buku, risalah-risalah dari bahagian-bahagian lain di Jabatan Agama Islam bagi tujuan edaran kepada orang awam serta buletin berkala. Sebagai contoh, ‘Fatwa Gerakan Militan al-Dawlah Iraq wa Syam atau Militan Islamic State, Islamic State In Iraq wa Syam atau Militan Islamic State’ yang diterbitkan oleh Jabatan Mufti Selangor pada 3 Februari 2016, ‘Jihad dan Konsepnya’ oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan kerjasama Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan dan dicetak semula oleh Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor pada tahun 2016. Selain itu. Risalah bertajuk ‘ Ajaran Sesat’ diterbitkan oleh Bahagian Pendakwaan, Jabatan Agama Islam yang mana kandungan risalah tersebut menjelaskan berkenaan sejarah perkembangan ideologi ISIS, ciri-ciri ajaran sesat, implikasi ajaran sesat serta cara menangani isu berkenaan (Bahagian Komunikasi & Koprat, Jabatan Agama Islam Selangor, t.t).

Ketiga, di Bahagian Dakwah ini telah diwujudkan Unit Dakwah dan Tarbiah yang bertanggung-jawab mengurus permohonan tauliah mengajar di peringkat Negeri Selangor dengan mewujudkan sistem e-Tauliah. e-Tauliah merupakan satu sistem yang dibangunkan bagi mengenalpasti para penceramah yang mendapat tauliah dan kebenaran dari pihak Jabatan Agama Islam Selangor untuk mengadakan kelas-kelas agama bagi mengelakkan sebarang fahaman yang menyeleweng dan ekstrem. Bagi mereka yang memohon untuk mendapatkan tauliah mengajar terbahagi kepada empat jenis tauliah yang terdiri daripada ;

Kategori D 1 : Tauliah Berceramah

Kategori D 2 : Tauliah Mengajar Fardhu Ain

Kategori D 3 : Tauliah Mengajar Al-Quran

Kategori D 4 : Tauliah Khas (Contoh : Pengurusan Jenazah /Perbandingan Agama / Perbankan Islam / Motivasi)

Kajian merujuk kepada sebuah Portal rasmi e-Tauliah JAIS yang menyatakan bahawa “Tauliah diberikan kepada pemohon yang layak mengikut kategori tertentu. Pengeluaran tauliah ini adalah tertakluk di bawah Seksyen 118 (3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003 Pindaan 2016” dan “Sesiapa yang mengajar / berceramah tanpa tauliah yang ditetapkan di bawah Seksyen 118 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003 Pindaan 2016 adalah melakukan sesuatu kesalahan dan boleh didakwa di bawah Seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003 Pindaan 2016 dan jika disabitkan bersalah, boleh didenda tidak melebihi 3 ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya. Walaubagaimanapun Seksyen ini tidak diguna pakai bagi individu yang mengajar / berceramah di kediamannya sendiri untuk anggota keluarganya”(tauliah.jais.gov.my, diakses pada 13 April 2020).

Penguatkuasaan dan pelaksanaan e-tauliah ini dilihat mampu mengurangkan risiko dan ancaman fahaman-fahaman dan ajaran yang sesat serta ekstrem. Ini kerana, bagi setiap permohonan mereka perlu menjalani ujian bertulis dan ujian lisan yang dijalankan oleh pakar-pakar dalam bidang agama di Jabatan Agama.

## **BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN, JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR.**

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan diwujudkan selaras dengan kewujudan Jabatan Agama Islam Selangor di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Selangor pada tahun 1953. Sehingga pada tahun 1998, pada bahagian ini telah diwujudkan Jabatan Mufti melihat kepada kepesatan dan perkembangan isu-isu semasa serta memastikan gerak kerja yang lebih efiksen ((Bahagian Komunikasi & Koprat, Jabatan Agama Islam Selangor, t.t). Jabatan Agama Islam Selangor, t.t). Bagi memastikan hasil kajian yang diperolehi adalah diyakini kesahihanya, pengkaji telah menjaya menjalankan sesi temubual bersama Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Jabatan Agama Islam Selangor, Tuan Zamzuri Ruslan pada 5 Disember 2019. Dalam sesi temubual secara berstruktur selama 20 minit tersebut beliau turut berkongsi pandangan serta cadangan berkaitan peranan Jabatan Agama dalam menangani isu-isu teras agama termasuk isu *ekstremisme ISIS* secara umum dan khusus di Selangor. Beliau berpendapat: “Bagi memastikan penyebaran fahaman ekstrem dapat dibendung khusunya di peringkat Negeri Selangor, Bahagian-bahagian serta Unit di Jabatan Agama Islam seperti Bahagian Pengurusan Masjid, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Undang-undang keluarga, Bahagian Penguatkuasaan serta Bahagian Dakwah bekerjasama dalam memperbanyakkan lagi program-program serta kesedaran akan ancaman ini di Peringkat Negeri mahupun di peringkat daerah masing-masing. Selain itu, fahaman ini dapat dikawal dengan mewujudkan kerjasama strategik antara pihak Jabatan Agama Islam Selangor bersama Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) mengikut ‘Standard of Procedure’ yang telah ditetapkan setelah menerima aduan atau laporan dari orang ramai berkenaan fahaman tersebut. Temubual yang telah dijalankan turut mendapat bahawa untuk menjalankan sebarang penangkapan terhadap mana-mana individu yang disyaki terlibat dengan sebarang aktiviti ekstremis perlu menjalani beberapa SOP yang ketat sebelum dimaklumkan kepada pihak berkuasa PDRM (rujuk bab strategi SOP JAIS dalam menangani isu ekstremis pada bab seterusnya) (Zamzuri Ruslan, Temubual pada 5 Disember 2019).

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Jabatan Agama Islam juga aktif dalam mengadakan seminar-seminar yang bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat awam seperti Konvensyen ‘*ahl Sunnah wa Jamaah*’ serta serta Seminar Pasak Aqidah. Seminar ini menfokuskan pengukuhan fahaman akidah ASWAJA kepada masyarakat dari ancaman ajaran-

ajaran sesat. Selain mengadakan seminar-seminar, bahagian penyelidikan juga turut menerbitkan risalah-risalah bertajuk ‘Ajaran Sesat’ yang menyenaraikan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat di Selangor tujuan hebahan dan bacaan umum. Kajian turut merujuk penulisan terbitan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, JAIS, 2016 bertajuk ‘Himpunan Ajaran, Amalan, Fahaman yang telah diwartakan menyelweng dan Sesat di Negeri Selangor’ dan ‘Prosedur Operasi Standard Pengurusan Aduan Isu-Isu Teras Agama’ yang telah diterbitkan pada tahun 2018 dalam memahami kaedah pelaksanaan dalam menangani isu-isu berkaitan. Malah, dalam penulisan keluaran Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, JAIS (2014) bertajuk “Isu-Isu Aqidah Mencabar Kesucian Ahli Sunnah Wal Jamaah Al-Syariah Di Malaysia” ada menjelaskan sejarah kemunculan IS, impak *tauhid Asma’ wa Sifat* sebagai rujukan masyarakat awam yang diedarkan secara percuma atas tujuan pencerahan ringkas akan bahaya fahaman ekstremis ini.

## **BAHAGIAN PENGURUSAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG, JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR.**

Fungsi bahagian ini bagi memenuhi objektif ‘Memacu agenda mencegah kemungkaran melalui pengurusan penguatkuasaan yang mendaulatkan prinsip haq dan bathil dalam perkara menghubungkan aqidah, Syariah, dan akhlak secara berintegriti, profesional dan efisien’ (Bahagian Komunikasi & Koprat, Jabatan Agama Islam, t.t). Dalam menjalankan tugas berkenaan terdapat empat teras utama iaitu:

- a. Ke arah Pemikiran dan tindakan
- b. Ke arah melaksanakan amar ma’ruf nahi munkar
- c. Ke arah membendung dan mengekang doktrinasi yang menyeleweng
- d. Ke arah mematuhi keutamaan pencegahan

Bagi menjamin gerak kerja secara sistematik dan efisien, bahagian ini telah mewujudkan talian bas tol 1-800-88-224 serta pelancaran aplikasi Mobile Hotline pada tahun 2016 boleh dimuat turun melalui aplikasi android yang mengutamakan keperluan pelanggan untuk membuat sebarang rujukan atau aduan berkenaan sebarang fahaman yang disyaki terlibat dengan sebarang fahaman yang menyeleweng memenuhi piaiwaian sistem MS ISO. Antara perkhidmatan yang disediakan seperti: menerima dan mengambil tindakan ka atas sebarang salah laku jenayah syariah, siasatan, membuat kertas kerja bagi urusan pendakwaan, menyediakan program-program berbentuk kefahaman Islam kepada masyarakat serta pelaksanaan sesi kaunseling (Bahagian Komunikasi & Koprat, Jabatan Agama Islam Selangor, t.t).

## **KAEDAH PERLAKSANAAN DALAM MENANGANI ISU EKSTREMISME**

Merujuk kepada bahan terbitan JAIS bertajuk ‘Sejarah Jabatan Agama Islam Selangor’ menjelaskan, setiap pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang perlu merujuk kepada:

- a. Enakmen Pentadbiran Islam Negeri Selangor
- b. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Selangor 2003

- c. Enakmen Keterangan Jenayah Syariah Negeri Selangor 2003
- d. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003
- e. Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995
- f. Enakmen Pengawalan sekolah-sekolah Islam 1988
- g. Enakmen agama bukan Islam Negeri Selangor (kawalan perkembangan di kalangan orang Islam)
- h. Arahan-arahan tetap Pengarah.

Sebagaimana telah dijelaskan dengan mewujudkan talian bebas tol bagi tujuan rujukan dan aduan masyarakat awam dan pelancaran aplikasi Mobile Hotline yang boleh dimuat turun di semua telefon atau gadget masing-masing lebih memudahkan individu untuk mendapatkan sebarang hebahan maklumat secara sahih. Seterusnya, kajian akan menjelaskan pelaksanaan SOP yang diguna pakai dalam mengendalikan kes-kes atau isu-isu teras agama. Isu-isu teras agama dalam penulisan ini merujuk kepada isu-isu berkaitan ajaran atau fahaman yang disyaki bercanggah dengan nilai-nilai dan teras ajaran Islam sama ada melalui amalan tasawwuf, pengubatan, perbomohan, dakwaan palsu dan perbandingan agama yang dilakukan secara langsung atau di media baharu. Prosedur ini diguna pakai di Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, JAIS dan Daerah bagi mengurus aduan isu-isu teras (Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, JAIS, 2018).

Merujuk kepada penulisan yang diterbitkan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, JAIS, 2018 bertajuk ‘Prosedur Operasi Standard Pengurusan Aduan’ menjelaskan terdapat lima kaedah dalam melaporkan sebarang aktiviti disyaki ajaran sesat seperti; pengadu hadir sendiri ke Pejabat Agama, panggilan telefon, laporan sesuatu kesalahan, mel elektronik, aplikasi telefon pintar dan sebagainya. Setelah itu, aduan akan tentukan mengikut katogeri ajaran meragukan, pengubatan Islam, perbomohan, amalan tarekat, aliran pemikiran atau lain lain.

Setiap aduan yang telah diterima oleh para pegawai penguatkuasa yang telah diasingkan mengikut kategori tertentu akan melaui prosedur ketat seperti (Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, JAIS, 2018):

- a. Tatacara penerimaan aduan
- b. Tatacara pelaksanaan tindakan aduan
- c. Prosedur pengurusan rekod daftar aduan isu-isu teras agama
- d. Prosedur pengumpulan data dan penyediaan Statistik
- e. Prosedur penyimpanan dan pelupusan rekod aduan

Dalam sesi temubual bersama Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, JAIS, Tuan Zamzuri Ruslan turut menjelaskan setelah SOP berkenaan telah diteliti dan dijalankan, Jabatan Agama Islam dengan kerjasama Bahagian Penguatkuasaan akan melaporkan kes-kes seperti ekstremisme atau sebarang kes-kes tertentu yang melibatkan dasar campur tangan pihak berkuasa luar seperti Polis Di-Raja Malaysia (PDRM). Hal ini kerana, isu-isu yang melibatkan ekstremisme memerlukan kerjasama strategik antara pihak Jabatan Agama Islam di peringkat Negeri dengan PDRM khususnya jika isu berkenaan melibatkan keharmonian negara (Zamzuri Ruslan, Temubual pada 5 Disember 2019).

Kajian ini dijalankan bagi menyahut saranan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang disampaikan di Pusat Pengajian Islam Oxford (OCIS),

Universiti Oxford “Pengislahan Radikalisme dan Ekstremisme”, ucaptama TPM di Pusat Pengajian Islam Oxford (OCIS), Universiti Oxford: “Malaysia pada hari ini menjadi pusat demokrasi pelbagai agama dan budaya yang menjadi kebanggaan kami, yang paling lama terjalin tanpa gangguan dalam sejarah dunia Islam moden. Sementara umat Islam membentuk majoriti dan dengan pematuhan kuat terhadap Islam, hak-hak agama, bahasa, budaya dan sosio-ekonomi rakyat yang menjadi pengikut agama lain bukan sahaja diterima tetapi diraikan. Terdapat banyak faktor saling berkait yang membawa kepada ekstremisme, radikalisme, perang dan keganasan. Dalam dunia globalisasi, kesan radikalisme dan ekstremisme terhadap hubungan dan keselamatan antarabangsa dan kesannya tidak hanya terhad kepada umat Islam tetapi juga kepada mereka yang menganut agama lain dan ideologi sekular. Ini sering kali disalah ertikan dalam nama-nama agama, ideologi, Raja, negara, kesucian etnik dan bahasa, bahkan Kemanusiaan” ([www.moha.gov.my/index.php/ms/koleksi-ucapan1/2989-pengislahan-radikalisme-dan-ekstremisme-2](http://www.moha.gov.my/index.php/ms/koleksi-ucapan1/2989-pengislahan-radikalisme-dan-ekstremisme-2), diakses pada 17 April 2020).

Hal ini menjawab kritikan golongan yang berpandangan seperti dalam artikel akhbar ‘Malaysia Today’ bertajuk “*Academic calls for open discussions on Jakim’s functions*” bahawa: “*An academic has suggested more open discussions on the functions of religious authorities such as Jakim, arguing that they have not been following true Islamic teachings and allowing freedom of religious practices.* Sharifah Munirah Alatas , a lecturer at Universiti Kebangsaan Malaysia, spoke specifically about the Department of Islamic Development Malaysia (Jakim)”. She questioned how much the organisation had contributed towards encouraging progressiveness of Islam in the country “That is a violation of human rights and of Muslim rights. It’s not just an issue of whether the Sunni or the Shia have the better belief or not. Jakim is not following the true teachings of Islam because they are not allowing the practice of different religions the way the prophet did. To me, Jakim is damaging to our society because of the treatment of minority religions and sects in Islam,” she told FMT after speaking at a panel discussion on race and religion during a forum called “Malaysia: What is New?” organised by Parti Sosialis Malaysia (PSM). (diakses pada 25 November 2019/)

## KESIMPULAN

Peranan dan usaha yang dilakukan oleh Jabatan Agama Islam bukan sesuatu yang kecil meskipun masih terdapat banyak kritikan dan pertikaian yang mempersoalkan kredibiliti institusi Islam tersebut. Jika dilihat kepada peranan institusi ini kepada masyarakat Islam khususnya, amat penting dalam menolak dan menangkis sebarang penyelwangan doktrin seperti ekstremis, pluralisme, liberalisme malah kajian ini amat yakin bahawa Jabatan Agama sebagai platform kefahaman Islam yang sebenar dengan mengadakan kelas-kelas agama, forum, seminar di peringkat Negeri dan Kebangsaan. Seterusnya, mengadakan kerjasama strategik bersama pihak berkuasa dalam menagani isu-isu teras agama di peringkat Negeri. Jabatan Agama Islam Selangor juga dilihat amat komited dalam mewujudkan kerjasama dengan Jabatan-jabatan Agama Islam di Negeri-negeri lain bagi membantu pihak PDRM memelihara keharmonian dan kesejahteraan umat Islam. Keamanan dan kesejahteraan tidak dapat dilestarikan tanpa usaha penuh kedua-dua belah pihak bersama berganding bahu membanteras fahaman tersebut.

## RUJUKAN

- Al-Quran.
- Bahagian Penyelidikan & Pembangunan, Jabatan Agama Islam Selangor. 2014. Isu-Isu Aqidah Mencabar Kesucian Ahli Sunnah Wal Jamaah Al-Syariah Di Malaysia. Jabatan Agama Islam Selangor.
- Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). 2016. *Jihad dan Konsepnya*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Bahagian Dakwah. tauliah.jais.gov.my, (Diakses pada 13 April 2020).
- Bahagian Penyelidikan & Pembangunan, Jabatan Agama Islam, Selangor. 2018. Prosedur Operasi Standard Pengurusan Aduan Isu-isu Teras Agama. Jabatan Agama Islam, Selangor.
- Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam, Selangor. emasjid.jais.gov.my/upload/.pdf, (Diakses pada 26 Oktober 2019).
- Bahagian Penyelidikan & Pembangunan, Jabatan Agama Islam Selangor. t.t. Ajaran Sesat". Jabatan Agama Islam Selangor.
- Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Jabatan Agama Islam, Selangor. www.jais.gov.my/v2/page.php?s=penyelidikan-pembangunan-rnd, (Diakses pada 17 April 2020).
- Bahagian Komunikasi & Koprat, Jabatan Agama Islam, Selangor. t.t. Sejarah Penubuhan JAIS. Jabatan Agama Islam, Selangor.
- Bahagian Penyelidikan & Pembangunan, Jabatan Agama Islam Selangor. t.t. Himpunan Ajaran, Amalan, Fahaman diwartakan Menyeleweng dan Sesat di Selangor. Jabatan Agama Islam Selangor.
- Europol Public Information. changes\_in\_modus\_operandi\_of\_is\_in\_terrorist\_attacks.pdf, (Diakses pada 27 Oktober 2019).
- Free Malaysia Today. www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2019/11/25/academic-calls-for-open-discussions-on-jakims-functions/, (Diakses pada 25 November 2019).
- Harian Metro. www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/01/300776/institusi-agama-perlu-tangani-ekstremisme, (Diakses pada 27 Oktober 2019).
- Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia. 2017. Garis Panduan Pencegahan Fahaman Ekstremisme & Radikalisme dalam Masyarakat dan Belia. Kementerian Belia & Sukan.
- Jabatan Mufti. t.t. Fatwa Gerakan Militan Al-Dawlah Islamiya fi Iraq wa Syam atau Militan Islamic State of Iraq and Levenant atau Militan IS. Jabatan Mufti, Selangor.
- Nur Farhana Abdul Rahman & Nur Solehah Shapiee. 2018. Autoriti Agama di Malaysia: Kedudukan dan Kritikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Majlis Agama Islam, Selangor. www.mais.gov.my/sejarah/, (Diakses pada 26 November 2019)
- Majlis Agama Islam, Selangor. www.mais.gov.my/sejarah/ (Diakses pada 27 Oktober 2019).
- Muhammad Imran Abd Razak, Rahimin Affandi Abdul Rahim & et.al. 2018. Analisis Fahaman Ekstremisme Agama dan Media Sosial di Malaysia. Malay Arts, Culture and Civilization Research Centre, Institute of the Malay World and Civilization
- Portal Rasmi Kementerian dalam Negeri. www.moha.gov.my/index.php/ms/koleksi-ucapan1/2989-pengislahan-radikalisme-dan-ekstremisme-2. (Diakses 17 April 2020).

Pusat Rujukan Persuratan Melayu. prpm.dbp.gov.my, (Diakses pada 4 November 2019). Zamzuri Ruslan. Temubual. (5 Disember 2019). Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Penyelidikan & Pembangunan, Jabatan Agama Islam, Selangor.